A

Kon Kwek Fah lwn Great Eastern Life Assurance

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S2–22–62 TAHUN 2001
B AZMEL H
26 SEPTEMBER 2005

Acara Sivil — Tindakan — Permohonan membatalkan tindakan Kontrak ditamatkan
C *sebelum pemindahan kuasa kepada defendan — Sama ada pihak yang salah disaman*

Acara Sivil — Tindakan — Permohonan membatalkan tindakan — Tindakan penamatan pekerjaan — Pengakuan plaintif memalsukan tandatangan kliennya —
D *Pendakwaan plaintif pengakuan diperolehi secara paksaan — Sama ada terdapat isu yang perlu dibicarakan*

Plaintif adalah agen insurans di Overseas Assurance Corporation ('OAC').
E Akibat dari satu aduan dari seorang klien terhadap plaintif, satu siasatan disiplin telah dijalankan terhadap beliau. Jawatankuasa disiplin telah mendapati plaintif telah melakukan satu salah laku kerana meniru dan memalsukan tandatangan pengadu, yang diakui oleh plaintif. Oleh itu plaintif telah ditamatkan perkhidmatannya. Akibat dari penamatan perkhidmatannya itu, plaintif telah membawa tindakan mahkamah terhadap OAC. Selepas writ saman plaintif difailkan satu skim untuk
F pemindahan keseluruhan perniagaan insuran hayat OAC kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad ('GELM') telah berlaku mengikut perintah mahkamah bertarikh 28 Ogos 2001. Berasaskan kepada kewujudan skim tersebut plaintif telah membuat permohonan untuk meminda writ saman dan pernyataan tuntutan dengan meminda perkataan OAC kepada GELM di dalam writ saman dan pernyataan
G tuntutan tersebut. Berikutan dari pindaan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif itu, defendan telah membuat satu permohonan untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif di bawah A 18 k 19(1)(b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 atas dua alasan iaitu atas pengakuan plaintif maka buktinya amat jelas bagi OAC menamatkan perkhidmatan plaintif dan kedua, apa yang diambil alih oleh GELM dari OAC ialah hanya perkhidmatan insuran hayat
H yang dahulunya dikendalikan oleh OAC yang berkuat kuasa pada tarikh pemindahan kuasa sementara kontrak insuran antara plaintif dan OAC telah ditamatkan sebelum pengambilan alih tersebut. Dengan itu, plaintif telah menyaman pihak yang salah. Plaintif telah mendakwa bahawa pengakuan yang dibuat olehnya itu diperolehi secara paksaan.

I

Diputuskan, membenarkan permohonan defendan dengan kos:

(1) Dengan dakwaan plaintif ini, maka timbul isu yang relevan yang perlu diputuskan oleh mahkamah iaitu sama ada pengakuan plaintif itu dibuat secara

sukarela atau sebaliknya. Dengan keadaan yang demikian, alasan pertama yang dipakai oleh defendan itu tidak mencukupi untuk membenarkan permohonan ini atas alasan wujudnya satu isu yang perlu dibicarakan oleh mahkamah (lihat perenggan 13).

(2) Mengenai alasan yang kedua pula, kontrak agensi antara plaintif dengan OAC adalah kontrak yang berkaitan dengan perniagaan insuran hayat OAC di mana plaintif dilantik menjadi agen insuran hayat OAC. Mengikut perintah mahkamah dalam pengambilan alih, defendan hanya bertanggungan untuk kontrak yang dimasukkan oleh OAC berkenaan dengan insuran hayat yang masih berkuat kuasa pada permulaan tarikh pemindahan iaitu pada 1 September 2001. Pada tarikh pemindahan insuran hayat kepada defendan kontrak insuran antara plaintif dan OAC telah ditamatkan pada 1 Januari 1998. Dengan keadaan yang demikian pada tarikh permulaan pemindahan perniagaan insuran hayat dari OAC kepada GELM tiada kontrak yang berkuat kuasa di antara OAC dengan plaintif. Memandangkan kepada keadaan yang tersebut di atas pihak yang sepatutnya di tuntut oleh plaintif ialah OAC dan bukan GELM (defendan) yang langsung tidak ada kena mengena dengan tuntutan plaintif (lihat perenggan 16).

The plaintiff was an insurance agent with Overseas Assurance Corporation ('OAC'). As a result of a complaint from a client against the plaintiff, a disciplinary investigation was carried out against him. The disciplinary committee found the plaintiff guilty of misconduct by copying and forging the complainant's signature, which was admitted by the plaintiff. As a result, the plaintiff's employment was terminated. As a result of the termination, the plaintiff brought a court action against OAC. After the filing of the writ of summons by the plaintiff, a scheme to transfer the whole business of OAC's life insurance to Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad ('GELM') took place in accordance to a court order dated 28 August 2001. Based on the existence of the said scheme, the plaintiff applied to amend the writ of summons and statement of claim by amending the word OAC to GELM in their writ of summons and statement of claim. As a result of the amendment to the writ of summons and statement of claim, the defendant made an application to strike out the plaintiff's writ of summons and statement of claim under O 18 r 19(1)(b), (c) and (d) Rules of the High Court 1980 on two grounds ie based on the plaintiff's own admission, the evidence was clear for OAC to terminate the plaintiff's employment and secondly, what was taken over by GELM from OAC was only life insurance services which was once handled by OAC and is still effective as at the date of transfer whilst the contract of insurance between the plaintif and OAC was terminated before the said take over. As a result the plaintiff sued the wrong party. The plaintiff alleged that the admission made by him was obtained by duress.

Held, allowing the defendant's application with costs:

(1) As a result of the plaintiff's allegation, a relevant issue was raised which had to be decided by the court ie whether the admission by the plaintiff was obtained voluntarily or otherwise. In the circumstance, the first ground raised by the

defendant was not sufficient to allow this application on the ground that there existed an issue that ought to be tried by the court (see para 13).

(2) On the second ground, the agency contract between the plaintiff and OAC was a contract related to the business of OAC life insurance where the plaintiff was appointed OAC's life insurance agent. According to the court order in the take over, the defendant was only liable for contract entered by OAC in relation to life insurance which was still in effect at the date of the take over ie 1 September 2001. At the date of the transfer of life insurance to the defendant, the insurance contract between the plaintiff and OAC was terminated on 1 January 1998. As a result, at the date of commencement of the transfer of the life insurance business from OAC to GELM there was no effective contract between OAC and the plaintiff. Based on the above circumstances, the proper party to have been sued by the plaintiff was OAC and not GELM (defendant) who had nothing to do with the plaintiff's claim (see para 16).

Nota-nota

Untuk kes-kes permohonan pembatalan tindakan kontrak, lihat 2 *Mallal's Digest* Consolidated Subject Index (4th Ed) perenggan 153–161.

Kes-kes yang dirujuk

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 19(1)(b),(c), (d)

AT P'ng (Ravi Beltran & Co) bagi pihak plaintif.
Vijayan Venugopal (Shearn Delamore & Co) bagi pihak defendan.

Azmel H (now FCJ):

[1] Plaintif di dalam kes ini telah dilantik sebagai agen insurance oleh Overseas Assurance Corporation ('OAC') mulai dari 1 Ogos 1990. Akibat dari satu aduan dari seorang klien yang bernama Chi Bee Chin ('pengadu') terhadap plaintif satu siasatan disiplin telah dijalankan terhadap beliau. Jawatankuasa disiplin telah mendapati plaintif telah melakukan satu salah laku kerana meniru dan memalsukan tandatangan pengadu. Oleh itu, plaintif telah ditamatkan perkhidmatannya pada 18 Disember 1997.

[2] Akibat dari penamatan perkhidmatannya itu, plaintif telah membawa tindakan mahkamah terhadap OAC. Writ saman dan pernyataan tuntutannya telah difailkan pada 31 Januari 2001 dengan menuntut ganti rugi khas, ganti rugi am, ganti rugi teladan dan juga satu deklarasi bahawa penamatan perjanjian plaintif dengan OAC di bawah 'Life Agency Agreement adalah tidak sah'.

[3] Fakta ringkas kes ini adalah seperti beriku. Pengadu, Chi Bee Chin telah membuat aduan kepada OAC terhadap perbuatan plaintif mengenai polisi insurans yang kononnya diambil oleh pengadu yang diselenggarakan oleh plaintif berkaitan polisi insuran No 2468725-5 dan 2582962-0. Pengadu mengatakan beliau tidak mengetahui adanya dua polisi insuran nyawa yang dikatakan telah dibelinya. Tandatangan pengadu telah dipalsukan oleh plaintif untuk pengadu membeli polisi nyawa berjumlah RM40,000 bersama dengan suatu polisi kemalangan peribadi berjumlah RM10,000. Pengadu mendakwa beliau tidak pernah menandatangani dokumen tawaran berkenaan polisi insuran tersebut.

[4] Berhubung dengan pengaduan itu OAC telah meminta penjelasan dari plaintif. Di dalam surat penjelasannya, plaintif menjelaskan bahawa plaintif dan isterinya telah pergi berjumpa dengan pengadu dan akibat dari perjumpaan itu pengadu telah menarik balik aduannya. Surat penarikan pengadu dilampirkan bersama surat penjelasan plaintif.

[5] Sungguhpun begitu, OAC telah memutuskan untuk menubuhkan satu jawatankuasa disiplin untuk menyiasat aduan pengadu itu dan satu siasatan disiplin telah dijalankan pada 21 November 1997.

[6] Di dalam siasatan disiplin itu, plaintif mengaku memalsukan tandatangan pengadu. Plaintif juga mengaku beliau telah membuat pembayaran premium untuk polisi kedua dengan menggunakan cek Survival Benefit berjumlah RMl,000 yang sepatutnya diserahkan kepada pengadu. Plaintif juga mengaku surat penarikan balik aduan itu disediakan oleh isteri plaintif dan pengadu cuma menandatanganinya sahaja.

[7] Berdasarkan kepada siasatan disiplin itu, plaintif didapati telah melakukan satu kesalahan disiplin. OAC memutuskan supaya perkhidmatan beliau ditamatkan berkuat kuasa pada 1 Januari 1998. Rayuan plaintif kepada jawatankuasa rayuan juga telah ditolak. Di atas penamatan perkhidmatan itu, plaintif telah memfailkan writ saman dan pernyataan tuntutan ke mahkamah terhadap OAC. Di dalam pernyataan tuntutannya, plaintif mendakwa bahawa tindakan OAC menamatkan perkhidmatan adalah tidak sah.

[8] Dalam pada itu tidak berapa lama selepas writ saman, plaintif difailkan satu skim untuk pemindahan keseluruhan perniagaan insuran hayat OAC kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad ('GELM') telah berlaku mengikut perintah mahkamah bertarikh 28 Ogos 2001. Berasaskan kepada kewujudan skim tersebut, plaintif telah membuat permohonan untuk meminda writ saman dan pernyataan tuntutan dengan meminda perkataan OAC kepada GELM di dalam writ saman dan pernyataan tuntutan tersebut. Ini bererti nama defendan dalam tindakan tersebut juga dipinda dari OAC kepada GELM, (kandungan 31). Permohonan plaintif itu yang tidak dibantah oleh defendan telah diluluskan oleh mahkamah.

[9] Berikutan dari pindaan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif itu, defendan telah membuat satu permohonan untuk membatalkan writ saman dan

pernyataan tuntutan plaintif di bawah A 18 k 19(l)(b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') dan di bawah bidang kuasa sedia ada mahkamah (kandungan 40).

[10] Untuk tujuan melengkapan cerita, plaintif telah membuat permohonan untuk membatalkan permohonan defendan di bawah kandungan 40 ('kandungan 44'). Kandungan 44 telah didengar oleh penolong kanan pendaftar ('PKP'). PKP telah membenarkan kandungan 44 itu. Walau bagaimanapun, defendan telah membuat rayuan kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan PKP (kandungan 50) dan rayuan ini saya yang mendengarnya, Setelah menimbangkan hujahan peguam-peguam dari kedua-dua belah saya memutuskan untuk membenarkan rayuan defendan. Dengan keputusan saya itu, kandungan 40 dihidupkan semula, Tidak ada rayuan selanjutnya difailkan oleh plaintif.

[11] Kandungan 40 ialah permohonan defendan untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif berdasarkan kepada dua alasan utama, pertama, oleh kerana plaintif telah mengaku memalsukan tandatangan pengadu maka ini bererti buktinya amat jelas bagi OAC menamatkan perkhidmatan plaintif dan kedua, GELM yang sekarang ini telah dijadikan defendan akibat dari permohonan plaintif untuk meminda writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif, Plaintif telah menyaman pihak yang salah, sebab pihak yang patut disaman oleh plaintif ialah OAC dan bukan GELM.

[12] Adalah menjadi suatu prinsip yang mantap bahawa di dalam permohonan untuk membatalkan suatu writ saman dan pernyataan tuntutan di bawah A 18 k 19(1) KMT, mahkamah mesti berpuas hati bahawa tidak ada langsung apa-apa isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah walaupun selemah mana pun isu tersebut. Prinsip ini jelas dinyatakan di dalam kes Mahkamah Persekutuan *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36, di mana Mohamed Dzaiddin HMP (beliau pada masa itu) berkata (di ms 43):

> The principle upon which the court acts in exercising its power under any of the limbs of O 18 r 19(1) RHC are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule (per Lindley MR in *Bubbuck v Wilkinson* (1699) 1 QB 86, p 91) and this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it obviously unsustainable (Attorney General of Duchy of *Lancaster v L & NW Ry G* (1892) 3 Ch 274). It cannot be exercised by a minute examination of the documents and facts of the case, in order to see whether the party has a cause of action or a defence (*Wenlock v Moloney* [1965] 1 WLR 1285; [1965] 2 All ER 871).

[13] Mengenai alasan defendan yang pertama, defendan mendakwa bahawa plaintif sewaktu disiasat di dalam siasatan disiplin telah mengaku bahawa beliau telah memalsukan tandatangan pengadu. Oleh itu, tiada isu lagi yang timbul untuk memutuskan kesalahan plaintif. Akan tetapi, plaintif telah menjawab dengan mendakwa bahawa pengakuan yang dibuat olehnya itu diperolehi secara paksaan. Dengan dakwaan plaintif ini, maka timbul isu yang relevan yang perlu diputuskan oleh mahkamah iaitu sama ada pengakuan plaintif itu dibuat secara sukarela atau sebaliknya. Dengan keadaan yang demikian, alasan pertama yang dipakai oleh

defendan itu tidak mencukupi untuk membenarkan untuk permohonan ini atas alasan wujudnya satu isu yang perlu dibicarakan oleh mahkamah.

[14] Mengenai alasan yang kedua pula, defendan merujuk kepada perintah mahkamah bertarikh 28 Ogos 2001 yang dilampirkan oleh plaintif di dalam kandungan 31 sewaktu plaintif memohon untuk meminda nama defendan daripada OAC kepada GELM. Perenggan 6 perintah mahkamah tersebut berbunyi:

> Bahawa mana kontrak (setakat yang ia masih lagi berkuatkuasa atau mempunyai apa-apa kesan) pada permulaan pemiagaan pada tarikh pemindahan, dimasuki oleh OACM berhubung dengan Perniagaan Hayat OACM hendaklah mempunyai kesan dari Tarikh Pemindahan seolah-olah GELM telah menjadi pihak kepadanya dan bukan OACM.

[15] Ini bererti apa yang diambil alih oleh GELM dan OAC ialah hanya perkhidmatan insuran hayat yang dahulunya dikendalikan oleh OAC yang berkuat kuasa pada tarikh pemindahan kuasa.

[16] Kontrak agency antara plaintif dengan OAC adalah kontrak yang berkaitan dengan perniagaan insuran hayat OAC di mana plaintif dilantik menjadi agen insuran hayat OAC. Oleh itu merujuk kepada perenggan 6 perintah mahkamah di atas saya berpendapat kontrak agensi antara plaintif dengan OAC tidak termasuk dalam erti kata perenggan 6 tersebut. Apa yang jelas dimaksudkan di dalam perenggan 6 itu ialah defendan hanya bertanggungan untuk kontrak yang dimasukkan oleh OAC berkenaan dengan insuran hayat termasuklah Life Agency Agreement yang masih berkuat kuasa pada permulaan tarikh pemindahan iaitu pada 1 September 2001. Pada tarikh pemindahan insuran hayat kepada defendan kontrak insuran antara plaintif dan OAC telah ditamatkan pada 1 Januari 1998. Dengan keadaan yang demikian pada tarikh permulaan pemindahan perniagaan insuran hayat dari OAC kepada GELM tiada kontrak yang berkuat kuasa di antara OAC dengan plaintif. Oleh itu adalah jelas bahawa defendan tidak mengambil alih tanggungan OAC berkenaan dengan perjanjian agency dengan plaintif kerana pada tarikh itu perjanjian agensi itu telah ditamatkan. Memandangkan kepada keadaan yang tersebut di atas pihak yang sepatutnya dituntut oleh plaintif ialah OAC dan bukan GELM (defendan) yang langsung tidak ada kena mengena dengan tuntutan plaintif.

[17] Dengan mengambil kira prinsip yang digunakan berkaitan dengan permohonan di bawah A 18 k 19(1) KMT, saya berpuas hati tiada apa-apa isu mengenai keesahan bahawa defendan (GELM) tidak langsung terlibat terhadap tuntutan plaintif. Di atas sebab-sebab yang saya nyatakan di atas saya membenarkan permohonan defendan dengan kos.

Permohonan defendan dibenarkan dengan kos.

Reported by Sally Kee